

Headline	BIMB i Flexi Fund dilancar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	173,387
Page No	L-21	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	263 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,198
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,594



# BIMB i Flexi Fund dilancar

Oleh AZIZI MAJID

JOHOR BAHRU 25 Mac - BIMB Investment Management Bhd. (BIMB Invest) hari ini melancarkan 'BIMB i Flexi Fund' yang merupakan dana aset campuran patuh syariah yang distruktur untuk menawarkan peluang peningkatan modal jangka masa panjang kepada pelabur.

Pengerusi BIMB Invest, Datuk Seri Zukri Samat berkata, bagi mencapai matlamat

pelaburan, dana tersebut akan dilaburkan dalam pelbagai portfolio ekuiti dan instrumen berpendapatan tetap dan mengamalkan strategi peruntukan aset yang fleksibel untuk dipadankan dengan keadaan pasaran.

Beliau yang juga Pengarah Urusan Bank Islam (M) Bhd. memberitahu, pada asasnya, apabila pasaran ekuiti memberangsangkan, dana tersebut akan menumpukan peruntukan asetnya dalam pasaran

keperluan pelanggan yang semakin sofistikated.

"Ia juga mempunyai fleksibiliti untuk melabur sehingga 99 peratus daripada nilai aset bersih (NAB) dana di dalam ekuiti patuh syariah atau boleh melabur sehingga 99 peratus daripada NAB dana di dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islam," kata Zukri pada majlis tersebut.

Menurutnya, dana-dana BIMB Invest yang sedia ada tidak mempunyai fleksibiliti seperti dana BIMB i Growth dan BIMB i Dividend Fund, di mana kedua-duanya adalah dana ekuiti yang mesti dilaburkan tidak kurang 70 peratus daripada NAB dana-dana tersebut dalam ekuiti.

"Para pelabur yang mempunyai toleransi untuk risiko sederhana dan tinggi yang ingin memproleh peningkatan modal berbanding aliran pendapatan berterusan dan pelabur yang mempunyai ufuk pelaburan lebih daripada lima tahun akan mendapati dana ini menarik," katanya.

BIMB i Flexi adalah produk unit amanah runcit yang keenam ditawarkan oleh BIMB Invest, anak syarikat milik penuh Bank Islam.

Ia juga merupakan syarikat pengurusan dan pengurus dana untuk BIMB Dana Al-Munsif, BIMB Dana Al-Falah, BIMB Dana Al-Fakhim, BIMB i Dividend Fund dan BIMB i Growth.

ekuiti dari mengurangkan peruntukan dalam pelaburan pendapatan tetap.

Sebaliknya, apabila pasaran ekuiti lemah, penumpuan kepada pasaran ekuiti dikurangkan dan tumpuan yang lebih diberikan kepada pelaburan pendapatan tetap.

"BIMB i Flexi Fund ini direka sebagai tindak balas kepada perubahan keadaan pasaran dan bertujuan untuk memenuhi



ZUKRI Samat (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif BIMB Invest, Nazaruddin Othman memegang buku prospek BIMB i Flexi Fund ketika pelancaran dana itu di Johor Bahru, semalam.